

R B690 DEE

MAHATHIR

(1)

OLEH RACHMAN NORDIN 1984

PHILADELPHIA 9 OKT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA UMAT ISLAM BOLEH MENCAPAI TAHAP + BERDIRI SAMATINGGI DAN DUDUK SAMARENDAH + SEPERTI MASYARAKAT LAIN DIDUNIA SEKIRANYA MEREKA TERUS BERUSAHA UNTUK MENDAPATKAN ILMU PENGETAHUAN, TIDAK BERSIKAP MENENTANG DAN MEMPUNYAI FALSAFAH DAN, TAFSIRAN ISLAM YANG BETUL.

KEAGUNGAN TERSEBUT, KATANYA, TIDAK BOLEH DICAPAI DALAM MASA SEHA'RI TETAPI ASASNYA HENDAKLAH DITENTUKAN SEKARANG.

PERDANA MENTERI, YANG KINI DALAM RANGKA LAWATAN ENAM HARI KE AMERIKA SYARIKAT, BERKATA MALAYSIA PERCAYA KEAGUNGAN ISLAM BOLEH DICAPAI BUKAN DENGAN SIKAP MENENTANG TETAPI DENGAN MENEKANKAN DISIPLIN DIRI DAN MENGELAKKAN DARIPADA PENGARUH GOLONGAN YANG MENYELEWENG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP KEPADA PARA SARJANA ISLAM DI PERJUMPAAN YANG DIANJURKAN OLEH JABATAN AGAMA UNIVERSITI TEMPLE, PHILADELPHIA? SEMALAM.

KATA BELIAU, MENCAPAI KEAGUNGAN ISLAM HENDAKLAH MENJADI PERJUANGAN SETIAP MUSLIM DAN BUKAN KERAJAAN ATAU PARAINDIVIDU SEMATA-MATA.

BAGI MALAYSIA? SUNGGUHPUN NEGARA ITU TIDAK DAPAT MEMBERI SUMBANGAN YANG BANYAK, IA PERCAYA DENGAN MENGAMALKAN PEPATAH MELAYU + SEDIKIT-SEDIKIT LAMA-LAMA MENJADI BUKIT.+ -- L'AGI.
1138MST 09 10 84

D366

R B691 DEB

MAHATHIR 2 PHILADELPHIA

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH UMAT ISLAM SEKARANG IALAH KERANA KEJAHSIAN MEREKA SENDIRI MENGAWAL KEKAYAAN, TIDAK MEMPUNYAI KEMAHIRAN KETENTERAAN DAN KURANG UPAYA DAI AM BANYAK RIDANG.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN BERSEDIH MELIHATKAN AKHIRNYA UMAT ISLAM MENJADI MISKIN SEMULA JIKA MEREKA CUMA MENGGUNAKAN KEKAYAAN MEREKA UNTUK KEMASYHURAN FIZIKAL PUN TIDAK MENGUASAI EKONOMI MEREKA SENDIRI.

MISALNYA NEGARA-NEGARA ISLAM YANG KAYA KINI MELABUR WANG MEREKA DISEBERANG LAUT DAN ADALAH MENYEDIHKAN MENDAPATI MEREKA TIDAK DAPAT MENGELUARKAN PELABURAN MEREKA BILA DIKEHENDAKI KERANA DENGAN MEMEENARKAN PERPUATAN ITU, PIHAK BARAT BIMBANG INI AKAN MENYEBABKAN EKONOMI MEREKA RUNTUH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MASIH TERDAPAT RAKYAT MALAYSIA YANG DIHANTAR KE SEBERANG LAUT UNTUK MENDAPATKAN ILMU TIDAK FAHAM AKAN TUJUAN MEREKA PERGI KE SANA. -- LAGI

1143MST 09 ICI 84

MAHATHIR 3 PHILADELPHIA
BELIAU MEMBERITAHU PARA SARJANA TERSEBUT BAHAWA KERAJAAN
MALAYSIA DENGAN SEPENUH IKHLAS TIDAK AKAN MEMBENARKAN
PENGARUH-PENGARUH GOLONGAN PENYELEWENG MEMECAH BELAHKAN UMAT ISLAM DI
NEGARA ITU.

KERAJAAN, KATANYA, AKAN TERUS MEMINTA PANDANGAN PARA SARJANA, DI
DALAM MAUPUN DI LUAR NEGERI, UNTUK MEMASTIKAN TAFSIRAN ISLAM YANG
BETUL DIKUTI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDAIAN MENJAWAB SOALAN-SOALAN
MENGENAI PERKARA-PERHARA DARI SISTEM PELAJARAN MALAYSIA, PERANAN
NEGARA ITU DALAM KERJASAMA ISLAM ANTARABANGSA HINGGA PERKARA
FENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG SYARIAH DI MALAYSIA.

PERJUMPAAN ITU DIHADIRI OLEH PARAPROFESOR, PELAJAR IJAZAH
LANJUTAN DAN SARJANA TERMASUK RAKYAT MALAYSIA YANG MENUNTUT DI
UNIVERSITI TEMPLE.

IA DIPENGERUSIKAN OLEH KETUA JABATAN AGAMA UNIVERSITI ITU, PROF.
ISMAIL FARUQI. -- LAGI

1145MST 09 10 84

0372

R 8694 DE8

MAHATHIR 4 PHILADELPHIA
SEBELUM ITU SEMASA BERDIALOG DENGAN PARA SARJANA ISLAM DARI
UNIVERSITI ITU TERMASUK JUGA PENUNTUT-PENUNTUT IJAZAH LANJUTAN
MALAYSIA, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MALAYSIA TIDAK AKAN
MEMBENARKAN SEBARANG KUMPULAN MINORITI MEMAKSAKAN KEHENDAK MEREKA HE
ATAS GOLONGAN MAJORITI BERKAITAN DENGAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG
SYARIAH.

BELIAU BERKATA NEGARA MEMPUNYAI MAJLIS ULAMAK YANG KUASA MEREKA,
HENDAKLAH DITERIMA.

KATANYA TIDAK ADA SEBAB BERLAKU PERPECAHAN DI KALANGAN UMAT
ISLAM JIKA KUASA MAJLIS ITU DITERIMA TETAPI SEBALIKNYA, AMAT
DIKESALIGOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU MENCERCA KEPUTUSAN MAJLIS ITU
DENGAN MENGANGGAPNYA SEBAGAI DIBUAT OLEH ANJING-ANJING KERAJAAN+
TETAPI AKAN MENERIMA FATWA YANG DPSUKAI OLEH MEREKA (GOLONGAN
PENENTANG).

BELIAU MEMBERITAHU PERHIMPUNAN ITU BAHAWA KERAJAAN TERPAKSA
BERHATI-HATI DALAM PERKARA INI SUPAYA TIDAK HILANG KEHORMATANNYA DAN
DIANGGAP TIDAK ISLAM OLEH MEREKA YANG SEBENARNYA MEMBERI TAFSIRAN
YANG TIDAK ISLAM. --- LAGI

1156MST 09 10 84

0378

R 8699 DE8

MAHATHIR 5 PHILADELPHIA
KEPADA SOALAN LAIN, PERDANA MENTERI MENJAWAB BAHAWA MALAYSIA
LEBIH SUKA TIDAK TERGESA-GESA Menguatkuasakan UNDANG-UNDANG SYARIAH
KE ATAS BUKAN ISLAM KERANA DENGAN MELAKUKAN ITU AKAN HANYA
MENIMBULKAN KEKACAUAN DAN LEBIH MEROSAKKAN DAN MENCALAHKAN UMAT
ISLAM PULA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJAWAB SOALAN-SOALAN TERMASUK DARI
PENUNTUT-PENUNTUT IJAZAH LANJUTAN OARS NIGERIA, INDIA, PAKISTAN DAN
MESIR SEMASA MAJLIS DIALOG ITU.

BELIAU MENGINGATKAN **BAHAWA** +ADALAH TIDAK **BAIK** MENGGESA SESUATU **TANPA** MEMPASTIKAN **IA** AKAN BERJAYA ATAU **GAGAL** HANYA KERANA **KITA** ORANG ISLAM.+

BELIAU MEMBERITAHU MEREKA **BAHAWA** UMAT ISLAM HENDAKLAH **MENUNJUKKAN SOPAN-SANTUN** DAN KURANGKAN KEKERASAN, KERANA SEJARAH **TELAH** MENUNJUKKAN **BAHAWA** KEKASARANLAH YANG MENYEBABKAN MALAPETAKA **DI** DUNIA **INI**.

DITANYA MENGENAI PERANAN MALAYSIA DALAM PROSES ISLAMISASI **SEDUNIA, PERDANA** MENTERI **BERKATA** BELIAU **LEBIH** SUKA **MELIHAT** IKRAR-IKRAR **DARI** NEGARA-NEGARA ISLAM UNTUK KEBAIKAN UMMAH DILAKSANAKAN KERANA BELIAU BERPENDAPAT MASIH **BANYAK** **JANJI** YANG TIDAK **DITEPATI**. - - **BERNAMA**
1207MST '09 10 84